




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **132 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **51,561 kes**. Satu (1) kes kematian direkodkan pada hari ini iaitu di daerah Keningau. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Pada hari ini, seramai 164 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 49,702 orang. Pada hari ini, sejumlah 898 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 372 orang di hospital, 524 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan dua (2) orang lagi di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 61 orang dan 16 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Tenom dan daerah Ranau berubah dari zon jingga ke zon kuning. Manakala daerah Kunak bertukar dari zon merah ke zon jingga.

4. Penambahan kes hari ini banyak disumbang oleh 39 kes baharu dari Kluster Jalan Tiga KKIP Kota Kinabalu.

5. Pada hari ini, dua (02) kluster baharu dilaporkan.

i. **Kluster Simpang Tiga** merangkumi daerah Kota Marudu, Kota Belud dan Pitas mencatatkan satu (1) kes positif COVID-19, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 25 kes. Kes indeks merupakan pekerja organisasi mikro kredit di Matunggong yang tinggal di Kota Belud. Indeks dikesan melalui saringan bergejala di Hospital Kota Belud pada 06 Februari 2021. Hasil saringan kontak rapat mendapati 24 lagi kes positif COVID-19 dikesan.

ii. **Kluster Jalan Apas Empat** di daerah Kalabakan dan Tawau. Kes indeks merupakan seorang pekerja di sebuah syarikat makanan laut telah dikesan positif COVID-19 melalui saringan PERKESO pada 02 Februari 2021. Hasil saringan kontak rapat sebanyak 21 lagi kes positif COVID-19 telah dikesan. Aktiviti pengesanan masih giat dijalankan.

6. Daripada 132 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 57 kes (43.2%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala sembilan (9) kes (6.8%), saringan kluster baharu dan sedia ada 62 kes (46.9%), pra kemasukan wad / rawatan satu (1) kes (0.8%) dan tiga (3) kes (2.3%) adalah dari lain-lain kategori.
7. Jumlah kapasiti katil di hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,061 unit, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam berjumlah 3,935 unit dan jumlah katil di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara pula 1,000 unit. Ini menjadikan jumlah kapasiti katil ialah 5,996 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 14.98%.

B PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) DI SABAH MULAI 19 FEBRUARI 2021 HINGGA 04 MAC 2021

Pada dasarnya, Kerajaan Negeri bersetuju dengan keputusan Jawatankuasa Teknikal MKN yang bersidang pada hari ini dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bagi menggantikan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuatkuasa pada **19 Februari sehingga 04 Mac 2021**. Perubahan status adalah berdasarkan *trend* penurunan bilangan kes di negeri Sabah sejak dua (2) minggu yang lalu.

C BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Sehingga 16 Februari 2021, sejumlah **50,334** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan dibawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

D LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS*

- 1 Dalam tempoh 24 jam, sebanyak 49 SJR telah dilaksanakan melibatkan pemeriksaan 33,946 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 49 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, tiada tangkapan dibuat namun 40 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 58 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang melibatkan sebanyak 152 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 51 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Pada hari ini, tiada tangkapan dibuat.
- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di lapan (8) premis, melibatkan lima (5) buah daerah iaitu daerah Kota Kinabalu, Kuala Penyu, Sandakan, Semporna dan Tawau.
- 4 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 133 lokasi melibatkan 16 daerah. Hebahan dibuat dalam Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin, Bahasa Inggeris dan pelbagai bahasa etnik Sabah.
- 5 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 331 hebahan di seluruh Sabah.

E KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP pada hari ini ialah **93.1%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Tenom	94%
2	Sandakan	94%
3	Beluran	94%
4	Kudat	94%
5	Kota Kinabalu	93%
6	Tuaran	93%
7	Penampang	93%
8	Semporna	93%
9	Kunak	93%
10	Kota Belud	93%
11	Kinabatangan	93%
12	Beaufort	93%
13	Sipitang	93%
14	Lahad Datu	93%
15	Keningau	93%
16	Kota Marudu	93%
17	Ranau	92%
18	Tawau	92%
19	Papar	92%

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan **kompaun RM1000.00** di bawah **Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988)**.

#kitajagakita #normabaharu

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
16 Februari 2021**